

# Lawatan Abdullah ke Moscow pererat hubungan diplomatik

BSH-18/6/2007



**L**AWATAN rasmi tiga hari Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Russia mulai hari ini, bukan saja bertujuan meningkatkan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara, malah dilihat sebagai sesuatu yang istimewa kerana ia menjadi lambang kepada hubungan diplomatik yang terjalin selama 40 tahun antara Kuala Lumpur-Moscow.

Pejabat Perdagangan Russia (dulu Soviet Union) mula beroperasi di Kuala Lumpur pada 1967, setahun sebelum kedutaannya dibuka di Malaysia, manakala Kedutaan Malaysia pula memulakan operasinya di Moscow pada 1968.

Perdana Menteri yang dijangka tiba petang ini akan diiringi isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah serta delegasi, termasuk empat menteri iaitu Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mus-

tapa Mohamed; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Jamaludin Jarjis dan Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainudin Maidin.

Esok, Abdullah akan mengadakan pertemuan empat mata dengan Presiden Vladimir Putin, selepas meletakkan kalungan bunga di Tomb of Unknown Soldier (Makam Pahlawan Tak Dikenali) di Kremlin. Beliau kemudian akan menyertai mesyuarat delegasi dan mengadakan mesyuarat dua hala dengan rakan sejawatnya, Mikhail Fradkov.

Pada sebelah malam, beliau dijangka menemui pelajar Malaysia yang menuntut di Russia. Pada masa ini ada kira-kira 2,000 pelajar Malaysia menuntut di lima universiti utama di negara ini, khususnya dalam bidang perubatan.

Pada Rabu, Perdana Menteri dijangka menerima anugerah Doctor Honoris Causa daripada Moscow State Institute of International Relation dan menyampaikan ucapan mengenai usaha merapatkan jurang dan meningkatkan kefahaman antara Islam dan Barat.

Beliau juga akan berucap pada majlis makan tengah hari sempena Forum Perniagaan Ma-

laysia-Russia, sebelum berlepas ke St Peterburg dan berkunjung ke Bosnia-Herzegovina pada hari berikutnya.

Dalam pertemuan dengan Putin, Abdullah dijangka membincangkan pelbagai isu membabitkan hubungan dua hala, termasuk kerjasama dalam bidang ekonomi, perdagangan, tenaga, pertahanan, sains dan teknologi tinggi, selain isu-isu antarabangsa seperti krisis di Asia Barat, Korea Utara dan pembabitan Russia dalam Asean.

Ketika ini, hubungan perdagangan kedua-dua negara lebih menguntungkan Malaysia dengan nilai dagangan lebih RM3.95 bilion (AS\$1.13 bilion) tahun lalu. Antara eksport utama Malaysia ialah barang elektrik dan elektronik, minyak sawit, perabot dan barang berasaskan getah, manakala import dari Russia pula termasuk produk petrokimia, baja dan peralatan jentera.

Malaysia juga sedang berusaha meningkatkan kerjasama dalam bidang pelancongan, termasuk usaha Kementerian Pelancongan menggalakkan lebih ramai pelancong Russia mengunjungi Malaysia.